



Tel: +(6)07-5533333 Fax: +(6)07-5579887 <http://ebendahari.utm.my/bendahari/>

OUR REF.:

5/6/1

YOUR REF.:

UTM.J.03.12/11.12/1/7¹(2)

12hb. Mac 2018

Dekan
Fakulti Sains
UTM, Johor Bahru
(U/p: Dr Abd Khamim Ismail)

Assalamualaikum wr.wbt.,

Saudara,

*TP, untuk maklumat
dan anggaran hadapan.
PAPAS: Edaran Pekeliling
Kendahari Bil.2/2014
untuk maklumat
dan maklumat
web.*



PERINGATAN BAGI PERBELANJAAN YANG TIDAK MEMATUHI GARISPANDUAN PERBELANJAAN BERHEMAH

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan lampiran (BIJ260000012018000790). Pihak kami mendapati terdapat perbelanjaan jamuan/keraian untuk program yang dijalankan oleh Fakulti Sains melebihi kadar yang disyorkan oleh peraturan yang digunapakai oleh pihak Universiti (Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2014). Kadar bayaran kursus/bengkel yang ditetapkan adalah sepertimana digariskan dalam peraturan tersebut.

3. Oleh itu, pihak saudara adalah diminta untuk mengambil perhatian dan mematuhi garis panduan tersebut agar perkara ini tidak berulang lagi di masa akan datang. Disertakan adalah salinan Pekeliling Bendahari Bi.2 Tahun 2014 dan salinan dokumen yang berkaitan untuk makluman dan rujukan pihak saudara.

4. Pihak kami mengambil pendekatan untuk membayar tuntutan di atas untuk kali ini sahaja. Justeru itu, adalah diingatkan sebarang tuntutan bagi perbelanjaan yang tidak mematuhi Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2014 selepas ini tidak akan dipertimbangkan untuk proses pembayaran.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Yang benar,

MUHAMMAD ILHAM BIN RAHIM
Penolong Akauntan
Pejabat Bendahari Zon C
Universiti Teknologi Malaysia
B/p Bendahari
tel: 07- 5536329



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEJABAT BENDAHARI

UTM.J.03/10.12/3 JLD.3 (15)

Tarikh : 11 Febuari 2014

PEKELILING BENDAHARI BIL 2/2014

Dekan-Dekan Fakulti / Research Alliance
Ketua-Ketua Bahagian
Pengarah Pusat / Institut
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum wr. Wbt.

Y.Bhg Dato'/ Prof./ Tuan,

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Dekan/Ketua Bahagian/Ketua Jabatan untuk melaksanakan langkah penjimatan yang telah diumumkan oleh Kerajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 dalam usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014. Keputusan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013 dan juga merujuk kepada Pekeling Perbendaharaan

3.8.2 Berikut ialah kadar jamuan/keraian bagi mesyuarat/bengkel/kursus yang perlu diikuti sebagai panduan oleh semua Fakulti/PTJ;

| BIL | JENIS KERAIAN | LOKASI | KADAR (RM) |
|-----|---|--------|---|
| 1 | Mesyuarat/Taklimat/Perbincangan Dalaman | UTM | RM4.00 seorang (jamuan ringan) |
| 2 | Mesyuarat & Meraikan Tetamu Luar | UTM | RM4.00 seorang (jamuan ringan) RM15.00 seorang (working lunch) |
| 3 | Kursus/Bengkel (Tanpa Penginapan) | UTM | RM20.00 seorang (lunch & 2 tea break) |
| 4 | Upacara Yang Melibatkan Menteri dan Orang Kenamaan Lain | UTM | Diputuskan oleh Pengurusan Universiti |

3.9 Kain Pemandang (*bunting* atau *banner*)

3.9.1 PTJ hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemandang (*bunting* dan *banner*) bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

3.10 Penginapan di Scholar's Inn JB/KL

3.10.1 Semua staf diwajibkan untuk menginap di Scholar's Inn UTM Johor Bahru atau Scholar's Inn UTM Kuala Lumpur sekiranya memerlukan penginapan atas tugas rasmi di kampus atau di sekitar Kuala Lumpur atau di sekitar Johor Bahru.

3.11 Penganjuran persidangan/kursus/bengkel

3.11.1 PTJ diminta untuk melaksanakan semua persidangan/kursus/bengkel di dalam Universiti. Tetapi sekiranya perlu, PTJ hendaklah mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC – Portal Tempahan Fasiliti & Kursus di Institut Latihan Awam Malaysia) dan juga kemudahan di institusi latihan milik Kerajaan seperti INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) atau rakan-rakan IPTA/politeknik. Walaubagaimanapun, sekiranya perlu dianjurkan di hotel atau lain-lain tempat yang sesuai, ianya tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor Pembangunan.